
BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI

Bahagian Perkhidmatan Farmasi

LAPORAN EKSEKUTIF

Bahagian Perkhidmatan Farmasi (BPF), JKWPKL&P bertanggungjawab untuk merancang, menyelaraskan, mengurus dan memantau pencapaian kualiti dua aktiviti utama iaitu Penguatkuasaan Farmasi dan Amalan dan Perkembangan Farmasi di sebuah hospital dan 14 buah klinik di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Secara amnya penguatkuasaan farmasi meliputi aktiviti-aktiviti yang melibatkan akta-akta farmasi. Cawangan Penguatkuasa Farmasi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diwujudkan bagi memantau dan memastikan tiada pelanggaran undang-undang yang melibatkan ubat-ubatan dilakukan. Ia adalah penting bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pengguna.

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya merupakan pusat perniagaan utama negara ini dan dengan kepadatan penduduk hampir 1.4 juta orang, maka wujud peluang perniagaan dalam bidang farmaseutikal sama ada yang sah mahupun yang haram.

Dari itu, disamping melaksanakan aktiviti-aktiviti rutin pelesenan dan penguatkuasaan, fokus utama BPF, JKWPKL&P pada tahun 2008 dan tahun-tahun akan datang adalah untuk membanteras penjualan produk-produk tidak berdaftar terutamanya di kawasan Chow Kit. Salah satu faktor utama yang mendorong penjualan produk-produk berkenaan secara berleluasa di kawasan tersebut adalah kebanjiran pendatang asing ke Kuala Lumpur.

Walaupun kebanyakan premis telah diambil tindakan, premis yang sama masih meneruskan penjualan produk-produk yang dilarang. Kebanyakan perniagaan tersebut dimiliki oleh pendatang asing dan permastautin tetap. Cabaran utama adalah untuk melakukan pemutihan di kawasan tersebut supaya bebas daripada penjualan produk-produk tidak berdaftar.

Kerjasama yang rapat di antara agensi-agensi lain seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Jabatan Imigresen diharap dapat membendung kegiatan ini. Penarikan balik lesen perniagaan dan penutupan premis diharap dapat membersihkan Kuala Lumpur daripada kegiatan-kegiatan tersebut.

Selain itu, Kempen Kenali Ubat anda yang dilaksanakan secara nasional diharap dapat mendidik dan memberi pengetahuan kepada para pengguna mengenali ubat-ubatan yang diambil. Pelaksanaan kempen ini akan diteruskan pada tahun-tahun akan datang melalui pelbagai aktiviti seperti ceramah, pameran dan dialog.

Unit Amalan dan Perkembangan Farmasi pula berfungsi merancang, menyelaras, mengurus dan memantau aktiviti-aktiviti perkhidmatan farmasi di 14 klinik-klinik dan Hospital Putrajaya. Pada tahun 2008, penekanan diberikan kepada perkhidmatan farmasi berorientasikan pesakit yang efisien dan komprehensif. Sehubungan itu, aktiviti-aktiviti perkhidmatan farmasi memberi fokus utama kepada mengoptimalkan terapi ubat-ubatan dan pemberian penjagaan farmaseutikal yang efisien dengan memastikan pengurusan pemilihan, pembelian dan pengedaran ubat-ubatan yang berkesan serta penggunaan ubat yang berkualiti dan kos-efektif melalui perkhidmatan farmasi klinikal yang profesional dan terkini.

Penambahan bilangan pegawai farmasi, perkembangan modal insan dalam bidang pengkhususan farmasi dan penambahbaikan prasarana Unit-unit Farmasi di hospital dan klinik-klinik kesihatan pada tahun ini telah membolehkan BPF, JKWPKL&P memulakan perkhidmatan baru di samping menambahbaik perkhidmatan sedia ada. Perkhidmatan farmasi klinikal yang berorientasikan pesakit telah diperluaskan dari segi liputan dan keberkesanannya dengan penekanan terhadap aspek kualiti dan keselamatan yang berlandaskan penjagaan farmaseutikal yang lebih menyeluruh. BPF juga telah memberi tumpuan kepada penambahbaikan sistem, proses kerja dan infrastruktur yang memainkan peranan penting bagi memungkinkan produktiviti perkhidmatan dipertingkatkan. Amalan farmasi pula dipastikan mematuhi piawaian dan garis panduan, proses membuat keputusan yang berlandaskan bukti saintifik yang terkini, dan seterusnya mementingkan profesionalisme dan kompetensi di kalangan sumber manusianya.

Selaras dengan perkembangan perkhidmatan farmasi yang semakin maju, usaha perlu ditingkatkan supaya bidang farmasi di fasiliti-fasiliti kesihatan di bawah JKWPKL&P dapat dikembangkan dengan lebih luas lagi. Segala usaha dan tenaga perlu diperuntukkan untuk menjamin kesejahteraan dan keselamatan umum.

5.0 PENGENALAN

Bahagian Perkhidmatan Farmasi (BPF), JKWPKL&P bertanggungjawab ke atas pengurusan, perancangan dan pembangunan perkhidmatan farmasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Ini meliputi dua aktiviti utama iaitu Penguatkuasaan Farmasi dan Pengurusan, Amalan dan Perkembangan Farmasi.

Objektif BPF JKWPKL&P secara amnya adalah:

- Melindungi pengguna dari ubat-ubatan yang merbahaya, iklan ubat yang memperdayakan dan amalan-amalan perubatan yang tidak bertanggungjawab melalui penguatkuasaan akta-akta dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pengimportan, penjualan dan pengiklanan produk farmaseutikal.
- Mengoptimalkan terapi ubat-ubatan dan pemberian penjagaan farmaseutikal yang efisien dengan memastikan pengurusan pemilihan, pembelian dan pengedaran farmaseutikal yang berkesan serta penggunaan ubat yang rasional dan kos-efektif melalui perkhidmatan farmasi profesional dan farmasi klinikal terkini.
- Untuk meningkatkan tahap kesedaran pengguna ke atas penggunaan ubat secara berkualiti dan kesan-kesan advers serta kepentingan maklumat yang mengiringi penggunaan ubat melalui pendidikan pengguna dan pesakit yang berterusan.

5.1 SUMBER BAHAGIAN

Bahagian ini diketuai oleh seorang Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) (TPKNF) Gred U54 dan dibantu oleh seorang Ketua Penolong Pengarah Gred U48 yang bertanggungjawab ke atas Cawangan Penguatkuasa Farmasi (CPF) dan seorang Penolong Pengarah Farmasi Kanan Gred U44 yang bertanggungjawab ke atas Unit Pengurusan, Amalan dan Perkembangan Farmasi. Secara keseluruhannya, perkhidmatan farmasi di JKWPKL&P dilaksanakan oleh sepasukan tenaga kerja seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Tenaga Kerja Perkhidmatan Farmasi, JKWPKL&P

Bahagian / Jawatan	Pengurusan & Profesional														Jumlah					
	U54		U52		U48		U44		U41		Sokongan 1		Sokongan 2		Sokongan 3		Jaw	Isi	% Isi	
	Jaw	Isi	Jaw	Isi	Jaw	Isi	Jaw	Isi	Jaw	Isi	Jaw	Isi	Jaw	Isi						
Cawangan Penguatkuasa Farmasi	1	1	-	-	1	1	5	5	29	25	6	4	3	3	1	1	46	40	86.95	
Unit Pengurusan, Amalan dan Perkembangan Farmasi	-	-	-	-	-	1	1	2	2	-	-	-	5	5	2	2	13	10	76.92	
Hospital Putrajaya	-	1	1	1	0	4	3	26	26	12	12	9	4	4	11	9	59	52	88.13	
Klinik Kesihatan	-	-	-	1	1	4	2	35	35	14	14	12	-	-	-	-	54	50	92.59	
Jumlah Keseluruhan Mengikut Jaw	1	1	1	3	2	14	11	92	88	32	25	12	12	17	12	172	152	88.37		
Jumlah Keseluruhan mengikut Kategori Jawatan	Pengurusan & Profesional														Sokongan			Jaw	Isi	% Isi
	Jawatan		Isi		% Isi		Jawatan		Isi		Jawatan		Isi							
	111		103		92.79		61		49		80.33									

* Jaw – Jawatan

5.2 AKTIVITI & PENCAPAIAN

5.2.1 Penguatkuasaan Farmasi

Aktiviti penguatkuasaan meliputi 7 aktiviti utama iaitu:

- Pemeriksaan
- Pelesenan
- Perlindungan Pengguna
- Aduan & Risikan
- Serbuan
- Penyiasatan
- Pendakwaan

Bahagian ini bertanggungjawab ke atas pelesenan dan kawalan terhadap pengimportan, pengilangan, penjualan dan pembekalan ubat-ubatan racun berjadual serta bahan kimia terkawal dengan menguatkuasakan akta-akta dan peraturan-peraturan, seperti berikut:

- Akta Racun 1952 & Peraturan-Peraturannya
- Peraturan-Peraturan Racun (Bahan Psikotropik) 1989
- Akta Dadah Berbahaya 1952 & Peraturan-Peraturannya
- Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah & Kosmetik 1984 (Pindaan) 2001
- Akta Jualan Dadah 1952
- Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956
- Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 & Peraturan-Peraturannya


5.2.2 Pemeriksaan

Pemeriksaan premis dibuat bagi tujuan pengeluaran lesen racun ke atas premis farmasi dan premis yang mengendalikan bahan kimia terkawal bagi tujuan kegunaan industri. Ini dibuat bagi memastikan kepatuhan setiap pemegang lesen terhadap syarat-syarat lesen racun di bawah Akta Racun 1952.

Pemeriksaan juga dibuat ke atas premis tidak berlesen iaitu klinik-klinik dan hospital swasta; kedai-kedai ubat tradisional Cina, Melayu dan India; gerai kaki lima, pasar malam, premis jualan langsung dan salun-salun kecantikan bagi memastikan pengendalian racun dilaksanakan mengikut keperluan undang-undang dan tiada penjualan atau pembekalan racun berjadual oleh individu yang tidak berkelayakan.

Selain itu pemeriksaan premis juga dibuat bagi memastikan semua keluaran-keluaran kesihatan yang dijual atau dibekal adalah berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi menjamin keselamatan pengguna. Terdapat peningkatan ketara sebanyak 252% pada tahun 2008 berbanding tahun 2007 bagi pemeriksaan rutin ke atas kedai/gerai yang menjual ubat dan barangan kosmetik dan pendidikan (Rajah 1).


Rajah 1: Pemeriksaan Premis, JKWPKL&P, 2004-2008



5.2.3 Pelesenan

Secara keseluruhannya pada tahun 2008, sebanyak 558 lesen racun telah dikeluarkan berbanding 555 lesen pada tahun 2007 (Rajah 2). Daripada jumlah tersebut sebanyak 450 Lesen Racun Jenis A dikeluarkan kepada ahli farmasi berdaftar bagi menjalankan perniagaan farmasi secara borong dan runcit manakala 77 Lesen Racun Jenis B dikeluarkan kepada premis yang mengendalikan bahan-bahan kimia terkawal bagi kegunaan industri.

Rajah 2: Pengeluaran Lesen Racun, JKWPKL&P, 2004-2008



Lesen Racun Jenis E pula dikeluarkan kepada syarikat yang mengimport, menyimpan dan mengguna Natrium Hidroksida (NaOH). Sebanyak 30 Permit NaOH juga telah dikeluarkan kepada premis yang membeli NaOH daripada sumber tempatan untuk kegunaan sendiri.


5.2.4 Perlindungan Pengguna

Unit Perlindungan Pengguna bertanggungjawab untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan penggunaan ubat-ubatan dan produk-produk farmaseutikal secara berkualiti dan selamat. Unit ini juga bertanggungjawab dalam mewujudkan kesedaran kepada masyarakat akan risiko penggunaan ubat tradisional yang tidak berdaftar dan dicemarpalsu.

Bagi tujuan itu, dua aktiviti utama iaitu pameran dan sesi ceramah dan dialog telah dijalankan di samping pelbagai program seperti pengedaran risalah serta kalender berinformasi kepada jabatan kerajaan, pihak swasta, badan bukan kerajaan dan institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Peningkatan yang ketara dapat dilihat pada tahun 2008 bagi pelaksanaan kedua-dua aktiviti utama perlindungan pengguna (pameran-110%, ceramah/dialog-300%) berbanding tahun 2007 (Rajah 3).

Rajah 3: Aktiviti Perlindungan Pengguna, JKWPKL&P, 2007 & 2008



5.2.5 Aduan & Risikan

Unit Aduan dan Risikan Cawangan Penguatkuasa Farmasi bertanggungjawab menyasiat dan mengesahkan setiap aduan dan maklumat yang diterima daripada orang ramai.

Analisis sasaran dibuat bagi memastikan individu atau organisasi sasaran, masa, lokasi, corak aktiviti (modus operandi) sasaran adalah tepat dan sesuai untuk operasi serbuan.


Pada tahun 2008, sebanyak 57 aduan telah diterima iaitu peningkatan sebanyak 24% daripada 46 aduan pada tahun 2007. Aduan ini telah menyumbang kepada aktiviti serbuan yang berkualiti dan berjaya.

5.2.6 Serbuan

Pada tahun 2008, CPF JKWPKL&P telah menjalankan serbuan ke atas 63 premis perniagaan yang disyaki menyalahi undang-undang yang dikuatkuasakan (Rajah 4). Kebanyakan serbuan dilakukan ke atas premis perniagaan ubat tradisional, kedai ubat dan salun kecantikan serta rumah kediaman yang didapati menjalankan perniagaan ubat-ubatan tidak berdaftar termasuk produk kesihatan dan kecantikan.

Rampasan merupakan produk-produk tidak berdaftar terutamanya ubat-ubat perangsang seks yang mengandungi *Sildenafil* dan *Tadalafil* dan juga produk pelangsing badan. Ubat-ubatan ini dipercayai dibawa masuk ke negara ini secara haram dari Indonesia, China dan India. Secara keseluruhannya nilai rampasan pada tahun ini adalah sebanyak RM3,149,685 yang menunjukkan sedikit penurunan daripada tahun 2007 sebanyak RM3,484,908.

Rajah 4: Pecahan Premis Dalam Operasi Serbuan, JKWPKL&P, 2008



5.2.7 Penyiasatan

Penyiasatan adalah satu proses mengumpulkan maklumat-maklumat berkaitan kesalahan yang dilakukan oleh orang kena tuduh (OKT) sehingga ke peringkat

pendakwaan. Ia melibatkan pengumpulan maklumat yang relevan dari agensi lain seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Jabatan Kimia Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Majlis Perubatan Malaysia, Telekom Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Polis, Jabatan Imigresen dan lain-lain agensi yang berkaitan. Mengikut piawaian kepuasan kualiti (QA), penyiasatan kes perlu dilengkapkan dalam masa 4 bulan dari tarikh terima kes sehingga fail kes dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) bagi mendapat saksi atau izin untuk mendakwa. Sebanyak 109 kes telah diselesaikan pada tahun 2008 iaitu peningkatan sebanyak 101% berbanding 54 kes pada tahun 2007.

5.2.8 Pendakwaan

Hasil daripada penyiasatan yang menyeluruh, mana-mana individu atau syarikat yang didapati melanggar undang-undang yang dikuatkuasakan akan didakwa di mahkamah mengikut kesalahan yang dilakukan. Pegawai dari Bahagian ini yang dilantik menjadi pegawai pendakwa bertanggungjawab membawa kes ke mahkamah bagi memastikan hukuman yang setimpal dikenakan ke atas orang yang didakwa.

Pada tahun 2008, jumlah kehadiran mahkamah adalah sebanyak 98 kali dengan 43 kes mengaku bersalah, 6 kes dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) dan 16 kes ditangguhkan. Kes yang mencapai tahap 'prima facie' adalah sebanyak 1 kes manakala kes bicara yang sedang berlangsung sebanyak 16 kes. Di samping itu, denda sejumlah RM73,100 telah dapat dikutip sepanjang tahun 2008.

5.3 PENGURUSAN PERKHIDMATAN FARMASI

5.3.1 Formulari Ubat-Ubatan

5.3.1.1 Urusetia Untuk Mesyuarat Jawatankuasa Ubat-Ubatan Negeri JKWPKL&P
Sebanyak 12 proforma telah diterima bagi tahun 2008 yang meliputi 9 proforma B (menambah indikasi, pertukaran prescriber, menambah formulasi ke dalam Formulari Ubat KKM) dan 3 proforma D (menambah ubat baru).

5.3.1.2 Penyelenggaraan Formulari Ubat JKWPKL&P


Formulari Ubat Klinik-Klinik Kesihatan WPKL&P yang pertama telah berjaya dibangunkan dan diedarkan pada September 2008. Formulari ini meliputi 381 jenis ubat-ubatan dan boleh digunakan sebagai bahan rujukan ubat-ubat yang dibenar untuk digunakan oleh Pegawai-pegawai Perubatan dan Farmasi bagi rawatan pesakit di klinik-klinik kesihatan. Kelulusan untuk menambah jenis ubat ke dalam formulari ini perlu diperolehi dari Jawatankuasa Ubat-Ubatan JKWPKL&P. Sebanyak 20 jenis ubat telah ditambah ke dalam Formulari Ubat WPKL&P pada akhir tahun 2008.

5.4 AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI


5.4.1 Pembekalan Ubat Melalui Preskripsi Di Hospital & Klinik Kesihatan

Pada tahun 2008, sebanyak 1,018,754 preskripsi Farmasi Pesakit Luar dan 114,539 preskripsi Farmasi Pesakit Dalam telah diterima dan didispen oleh Unit-unit Farmasi di Hospital Putrajaya & Klinik-klinik Kesihatan WPKL&P. (Rajah 5 dan Rajah 6). Preskripsi yang diterima akan disaring oleh pegawai farmasi sebelum pengisian ubat-ubatan dan disemak semula pengisiannya sebelum didispen kepada pesakit. Perkhidmatan Farmasi Pesakit Dalam di Hospital Putrajaya menggunakan sistem pendispensan Unit of Use iaitu bekalan ubat diberikan mengikut keperluan individu untuk tempoh tertentu.

Rajah 5: Penerimaan Preskripsi Farmasi Pesakit Dalam/Luar Hospital Putrajaya, 2004-2008



Rajah 6: Penerimaan Preskripsi Pesakit Klinik-Klinik Kesihatan JKWPKL&P, 2007-2008




5.4.2 Perkhidmatan Farmasi Klinikal

Objektif utama perkhidmatan farmasi di hospital dan klinik kesihatan WPKL&P adalah untuk memberi penjagaan farmaseutikal yang komprehensif dan tertumpu kepada pesakit.

5.4.2.1 Perkhidmatan Klinikal Farmasi Ambulatori

Sepanjang tahun 2008, sejumlah 18,564 pesakit telah diberi kaunseling ubat-ubatan di Hospital Putrajaya dan klinik kesihatan JKWPKL&P (Rajah 7). Kaunseling ubat-ubatan dijalankan secara individu dan berkumpulan oleh pegawai farmasi (Rajah 8 & Rajah 10). Selain daripada kaunseling ubat-ubatan, Perkhidmatan *Diabetic Medication Therapy Adherence Clinic* juga diwujudkan dan dikendalikan di Klinik Pakar Hospital Putrajaya oleh Pegawai Farmasi untuk memberi penjagaan farmaseutikal yang optima kepada pesakit Diabetes. Perkhidmatan Klinikal Farmasi Ambulatori juga melibatkan pendispensan dan kaunseling ubat methadone di Klinik Kesihatan Jinjang yang merupakan Pusat Rawatan Gantian (RTG) dengan Methadone di bawah Program RTG Methadone, KKM.

Rajah 7: Bilangan Pesakit Dikaunsel Bagi Tahun 2008




5.4.2.1.1 Kaunseling Secara Individu


Gambar 1: Kaunseling Individu yang diberi kepada pesakit di Hospital Putrajaya



Rajah 8: Kaunseling Pesakit Secara Individu, JKWPKL&P, 2007 & 2008




Rajah 9: Perkhidmatan Kaunseling & *Beside* Discaj Farmasi Pesakit Dalam Hospital Putrajaya, 2007 & 2008




5.4.2.1.2 Kaunseling Secara Berkumpulan

Rajah 10: Kaunseling Pesakit Secara Berkumpulan, JKWPKL&P, 2007 & 2008



5.4.2.1.3 Diabetic Medication Therapy Adherence Clinic

Rajah 11: Bilangan Pesakit Program Diabetic Medication Therapy Adherence Clinic, 2007 & 2008



5.4.2.1.4 Pelaksanaan Aktiviti Pendispensan Dan Kaunseling Methadone Dalam Program Terapi Gantian Dengan Methadone


Aktiviti Farmasi Klinikal Ambulatori yang dijalankan di Klinik Terapi Gantian Metadon, Klinik Kesihatan Jinjang termasuk saringan pesakit methadone dengan

menjalankan *Opioid Treatment Index* dan pengambilan darah pesakit. Pesakit akan menghadiri induksi dan dikaunsel sebelum Rawatan Terapi Gantikan Methadone dijalankan. Pendispensan methadone dilakukan setiap hari termasuk pada hujung minggu dan cuti umum. Data pesakit methadone tahun 2008 adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Data Pesakit Methadone pada tahun 2008

Jumlah Pesakit			Bil. Pendispensan			Aktiviti Farmasi klinikal Yang Dijalankan Oleh Pegawai Farmasi di Pusat Rawatan Terapi Gantikan (RTG) Methadone					
Berdaftar	Aktif	Tidak Aktif	DOT	DBB	Lain-Lain	Kaunseling		Ubahsuai Dos	Interaksi	Maklumat Ubat	Kesan Advers (Tindakan diambil)
						Kumpulan	Individu				
728	602	126	461	173	0	0	77	8	9	48	12


Gambar 2: Prosedur Induksi dan Kaunseling Pesakit Methadone sebelum Rawatan Terapi Gantikan Methadone




5.4.2.2 Perkhidmatan Maklumat Ubat-Ubatan

Perkhidmatan ini dijalankan secara aktif di hospital dan semua klinik- klinik kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (Rajah12). Unit Farmasi semua klinik kesihatan telah dilengkapi *British National Formulary* sebagai bahan rujukan dan lain-lain bahan rujukan yang terkini akan dilengkapi pada tahun 2009. Di Hospital Putrajaya pula, maklumat ubat-ubatan disediakan berasaskan fakta dan *evidence based medicine* (EBM). Unit Maklumat Ubat-Ubatan turut berfungsi dalam penyediaan formulari ubat hospital, menyediakan latihan dan pembelajaran berterusan, serta sebagai pusat rujukan informasi ubat-ubatan dan pemantauan kesan sampingan ubat-ubatan atau panggil balik produk farmaseutikal dan menyelaras hasil penyelidikan yang telah dibuat (Rajah 13).

Rajah 12: Pengendalian Maklumat Hospital & Klinik-Klinik Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, Tahun 2008



Rajah 13: Perkhidmatan Maklumat Ubat Dan Racun di Hospital Putrajaya, 2007 & 2008




5.4.2.3 Perkhidmatan Farmasi Klinikal Hospital Putrajaya

5.4.2.3.1 Perkhidmatan Farmasi Klinikal Wad

Pegawai-pegawai Farmasi klinikal di wad-wad perubatan dan pembedahan Hospital Putrajaya melibatkan diri dalam pengurusan pesakit di wad melalui aktiviti rondaan wad bersama dengan pakar dan health-care team members yang lain, mengenalpasti *Pharmaceutical Care Issues* dan aktiviti kaunseling farmakoterapi ubat-ubatan (Rajah 14).


Rajah 14: Perkhidmatan Farmasi Klinikal Wad 2007 & 2008



5.4.2.3.2 Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal

Unit ini bertanggungjawab melakukan analisis pemantauan paras ubat, memantau kes-kes keracunan ubat dan memberikan khidmat konsultasi terhadap pendosan individu bagi 10 jenis ubat berdasarkan keputusan ujian. Perkhidmatan ini telah beroperasi 24 jam mulai Jun 2008 bagi kes-kes toksisiti dan keracunan. Unit ini juga telah membuka perkhidmatan kepada klinik dan hospital lain untuk analisis ubat. Pencapaian aktiviti pada tahun 2008 adalah seperti di Rajah 15.


Rajah 15: Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal, 2007 & 2008




5.4.2.3.3 Perkhidmatan IV Admikstur dan Nutrisi Parenteral Total (TPN)

Perkhidmatan ini merangkumi penyediaan farmaseutikal secara aseptik, seperti admikstur intravena larutan nutrisi parenteral dan ubat titis mata berdasarkan *Good Manufacturing Practice (GMP)* (Rajah 16 dan 17). Perkhidmatan penyediaan persediaan steril untuk “Acute Pain Services” (APS) juga telah dimulakan pada bulan Oktober 2008.


Rajah 16: Perkhidmatan Nutrisi Parenteral Total, 2007 & 2008



Rajah 17: Perkhidmatan IV Admikstur, 2007 & 2008

5.4.2.3.4 Perkhidmatan Farmasi Nuklear


Unit ini bertanggungjawab menyediakan dan menguruskan pengeluaran F-18 (2-Fluoro-2-deoxyglucose) FDG untuk ujian diagnostik berkaitan kanser dan ujian fungsi organ tertentu seperti otak. Fasiliti ini telah berjaya memperolehi *Letter of Confirmation* (LOC) dan kelulusan untuk mendaftarkan produk ini dengan nama dagangan Suntikan FDG Putra belum ditentukan. Pembekalan suntikan F-18 FDG ke Hospital Pulau Pinang juga bermula pada 18 Disember 2008.

Rajah 18: Perkhidmatan Farmasi Nuklear, 2007 & 2008

5.4.2.3.5 Perkhidmatan Rekonstitusi Ubat Sitotoksik (CDR)

Perkhidmatan ini mula beroperasi pada Ogos 2008 dan menyediakan ubat sitotoksik kepada pesakit-pesakit barah payudara untuk rawatan kemoterapi.


Rajah 19: Perkhidmatan Rekonstitusi Ubat Sitotoksik 2007 & 2008



5.4.2.3.6 Perkhidmatan Farmasi Perubatan Tradisional Komplementari

Unit Farmasi Perubatan Tradisional Komplementari, Hospital Putrajaya memberikan perkhidmatan pembekalan herba kepada pesakit kanser yang dirujuk dari lain-lain fasiliti kesihatan KKM. Pegawai Farmasi bertanggungjawab terhadap penyaringan preskripsi, memberi kaunseling ubat- ubatan dan herba kepada pesakit, pemantauan perkembangan pesakit, membuat laporan kesan sampingan dan interaksi ubat- ubatan dan herba (jika ada) dan pemantauan penggunaan ubat dan herba.

Rajah 20: Perkhidmatan Farmasi Perubatan Tradisional Komplementari 2007 & 2008



5.4.3 Sistem Pendispensan Ubat-Ubatan Bersepadu (SPUB)

SPUB merupakan satu sistem rujukan untuk memberi kemudahan kepada pesakit mendapatkan bekalan ubat susulan di fasiliti kesihatan pilihan mereka atau yang terdekat dengan kediaman, terutamanya pesakit yang tinggal di pendalaman. Statistik tentang aktiviti ini pada tahun 2008 adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3: Perkhidmatan SPUB Hospital & Klinik-Klinik Kesihatan JKWPKL&P, 2008

Perkara		2007	2008*	%
Jumlah Kos SPUB (RM)	Intra-state	8,422.40	9,377.49	↑ 11.34
	Inter-State	18,158.23	19,100.68	↑ 5.19
Jumlah Item Dibekal	Intra-state	225	777	↑ 245.33
	Inter-State	247	825	↑ 234
Jumlah Kos SPUB (RM)	Ubat Kategori A	17,603.50	21,216.90	↑ 20.53%
	Ubat Kategori Lain	9,309.17	8,830.38	↓ 5.14%
Jumlah Item Dibekal	Ubat Kategori A	112	379	↑ 238.39%
	Ubat Kategori Lain	360	1052	↑ 192.22%
Bilangan Kes Walk-in	Intra-state	Tidak Direkod	56	-
	Inter-State	Tidak Direkod	93	-
Jumlah Kos Spub (RM)		26,912.67	28,478.17	↑ 5.82%
Jumlah Preskripsi SPUB		141	382	↑ 178.92%

5.4.4 Pembangunan Farmasi

Pada tahun 2008, prasarana Unit Farmasi di Klinik-klinik Kesihatan JKWPKL&P telah dinaiktaraf. Kaunter Unit Farmasi di 10 buah klinik kesihatan telah diubahsuai dari kaunter tertutup kepada kaunter terbuka yang mesra pelanggan. Rak ubat telah ditambah atau diperbaiki di semua klinik kesihatan. Bilik kaunseling dan stor ubat juga diwujudkan di klinik-klinik kesihatan yang mempunyai ruang yang mencukupi.

Gambar 2: Aktiviti Unit Pembangunan Farmasi



Penukaran kaunter tertutup ke kaunter terbuka di Klinik Kesihatan Kampung Pandan.

5.5 PEROLEHAN DAN BEKALAN

Unit perolehan dan bekalan Farmasi atau Stor Farmasi Kesihatan Primer di JKWPKL&P telah mula beroperasi pada Mei 2008. Perolehan dan bekalan ubat bagi 13 buah klinik kesihatan diuruskan oleh Stor Farmasi Kesihatan Primer. Bagi Hospital Putrajaya dan Klinik Kesihatan Putrajaya pula, perolehan dan bekalan ubat diuruskan oleh stor farmasi masing-masing (Jadual 4).

Jadual 4: Statistik Perbelanjaan Ubat Dan Bukan Ubat Bagi Klinik-Klinik Kesihatan Dan Hospital WPKL& P, 2007 & 2008

Klinik Kesihatan / Hospital	Nilai Perbelanjaan Yang Dilakukan					
	Ubat		Bukan Ubat		Jumlah	
	2007	2008	2007	2008	2007	2008
KK Putrajaya	2,029,625.47	2,085,069.94	120,000.00	16,602.85	2,149,625.47	2,101,672.79
KK WPKL/ Stor Farmasi Kesihatan	10,134,849.12	16,023,702.26	202,560.19	2,667,225.36	10,338,638.72	18,690,927.62
Hospital Putrajaya	10,996,313.12	13,379,769.17	9,562,728.26	7,912,015.33	20,559,041.38	21,291,784.50

5.6 AKTIVITI-AKTIVITI LAIN

5.6.1 Latihan

Bagi meningkatkan mutu dan kualiti kerja, beberapa kursus, latihan dan sesi pembelajaran berterusan (CPE) telah diadakan sepanjang tahun 2008 (Jadual 5). Pada tahun ini juga, Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) Khusus bagi Pegawai Farmasi telah digantikan dengan penilaian melalui latihan. Mata 'Continuous Pharmaceutical Development' (CPD) akan direkod dan diberi penilaian pada setiap akhir tahun (Jadual 6).

Jadual 5: Latihan BPF, JKWPKL&P, Tahun 2008

Bahagian	Sesi CPE	Kursus / Latihan Yang Dianjurkan
BPF, JKWPKL&P	7	7
KK Putrajaya	23	3
Hospital Putrajaya	42	-
Jumlah	72	10

Jadual 6: Pencapaian Mata Kredit CPD bagi Pegawai Farmasi, BPF, JKWPKL&P, Tahun 2008

Bil.	Mata Kredit CPD yang Dicapai	Bilangan Pegawai
1.	< 20 mata kredit	0
2.	21-39 mata kredit	0
3.	40-50 mata kredit	6
4.	51 mata kredit ke atas	57
Jumlah Bilangan Pegawai		63

5.6.2 Kempen Kenali Ubat Anda

Kempen Kenali Ubat Anda telah dilancarkan pada peringkat kebangsaan di Melaka pada 29 Jun 2007. Pelancaran pada peringkat WPKL&P telah diadakan pada 13 April 2008 di Hall 3, *Midvalley Exhibition Center*. Objektif utama kempen ini adalah:

- Meningkatkan kesedaran pengguna tentang penggunaan ubat secara rasional dan hak mereka dalam mendapatkan maklumat ubat.
- Membekalkan maklumat kesihatan dan ubat melalui pelbagai aktiviti kepada para pengguna.
- Memastikan pengguna mengetahui ubat yang diambil oleh mereka.
- Memperbaiki laporan kesan sampingan ubat dari pihak pengguna.
- Mempertingkatkan ilmu pengetahuan ibu-ibu termasuk yang mengandung dan menyusukan anak.
- Meningkatkan kemahiran warga emas dalam penggunaan ubat.

Gambar 3: Majlis Pelancaran Kempen Kenali Ubat Anda pada 13 April 2008



5.6.3 Pelan Tindakan BPF, JKWPKL&P

Pada tahun 2008, BPF juga telah menumpukan perhatian kepada pelaksanaan aktiviti-aktiviti bagi mencapai sasaran projek-projek di dalam pelan tindakan 2008 seperti berikut:

5.6.3.1 Projek Nasional 'Quality Use Of Medicine' (QUM)

Mensasarkan pengetahuan asas mengenai penggunaan ubat yang berkualiti di kalangan pengguna di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya mencapai 90%. Melalui aktiviti bengkel-bengkel yang dijalankan, pemahaman pengguna terhadap QUM mencapai 70%. Pelan tindakan ini akan diteruskan pada tahun 2009.

5.6.3.2 Memperkukuhkan Sistem Pendispensan Ubat-ubatan Bersepadu (SPUB)

Mensasarkan 100% pesakit yang mendapat perkhidmatan SPUB memperolehi bekalan ubat dan mengurangkan 50% kes pesakit 'walk in'. Hasil daripada kajian kepuasan pelanggan mendapati hanya 68.5% pesakit yang mendapat perkhidmatan SPUB memperolehi bekalan ubat dan data latar belakang kes pesakit 'walk in' telah dapat dikumpulkan pada tahun ini. Sasaran kedua akan diukur pada tahun 2009.

5.6.3.3 Ke Arah Pensijilan 5S Unit Farmasi KK Putrajaya dan Jabatan Farmasi Hospital Putrajaya

Pelaksanaan aktiviti 5S telah dilaksanakan oleh anggota Jabatan Farmasi HPJ & KK Putrajaya dan dalam proses mendapatkan pensijilan 5S pada tahun 2009. Ini merupakan projek perintis 5S ke atas pengurusan bekalan ubat-ubatan yang berkualiti sebelum diperluaskan ke fasiliti lain di JKWPKL&P.

5.6.3.4 Perkhidmatan Kaunseling Farmasi

Mensasarkan 100% Klinik Kesihatan JKWPKL&P mempunyai keperluan asas untuk mengadakan khidmat kaunseling ubat-ubatan. Hasil dari aktiviti-aktiviti penambahbaikan khususnya pengubahsuaian, hanya 10 daripada 14 (71%) Klinik Kesihatan JKWPKL&P dapat memenuhi keperluan prasarana yang sesuai untuk melakukan aktiviti kaunseling ubat. Walaubagaimanapun, 100% penyediaan risalah ubat-ubatan, peralatan asas kaunseling dan penyeragaman format dapat dicapai di semua Klinik Kesihatan.

5.6.3.5 Program Kebangsaan: 'Methadone Maintenance Therapy' (MMT)

Mensasarkan 80 % Pegawai Farmasi Klinik Kesihatan dilatih untuk program ini dan 90 % keperluan prasarana dapat dipenuhi. Hasilnya, 94 % Pegawai Farmasi U41 telah menjalani latihan sangkutan Methadone manakala permohonan untuk keperluan prasarana yang optima telah dikemukakan ke Unit NCD, Bahagian Kesihatan Awam, JKWPKL&P.

5.7 KESIMPULAN

Bahagian Perkhidmatan Farmasi, JKWPKL&P pada hari ini diperkasakan dengan pertambahan anggota yang konsisten dan berterusan melalui perkhidmatan wajib. Perkembangan ini memberi peluang kepada BPF, JKWPKL&P memperkenalkan bidang-bidang penjagaan farmaseutikal dan penguatkuasaan yang baru disamping memperkukuhkan dan memperluaskan liputan dan keamatan perkhidmatan yang sedia ada. Gabungan dari semua pendekatan ini dan memastikan perkhidmatan farmasi menumpukan fokus kepada pembekalan ubat-ubatan yang berkualiti, selamat, berkesan, mencukupi dan mampu diperolehi, adalah merupakan daya pacuan yang diharapkan dapat memberikan impak mempertingkatkan tahap dan kualiti kesihatan rakyat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya khasnya dan di Malaysia amnya.

Penghargaan

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua kakitangan JKWPKL&P dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyumbangkan tenaga, maklumat serta kerjasama bagi menyediakan Laporan Tahunan JKWPKL&P tahun 2008.



Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur

Tel: 03-2694 0701 • Faks: 03-2693 8760

Website: jknkl.moh.gov.my